

PERBAHASAN
SEBAGAI SATU KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI
(TINJAUAN TERHADAP PELAKSANAAN DAN KEBERKESANANNYA
DI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH RENDAH)

OLEH
MOHD. ZAKI HJ. AWANG MAT

PROJEK KHAS
KURSUS PERGURUAN KHAS (BAHASA MALAYSIA)
INSTITUT BAHASA KUALA LUMPUR
OKTOBER 1989

SINOPSIS

Tinjauan ini cuba mengenalpasti perbahasan sebagai satu kemahiran berkomunikasi. Dalam bab I, pengenalan kepada kajian ini akan dijelaskan. Di dalam bab tersebut juga, dijelaskan kenapa perbahasan dipilih sebagai objek tinjauan.

Dalam bab yang ke II pula, penjelasan akan diberikan terhadap apa itu perbahasan. Selain itu, jenis-jenisnya juga turut disenaraikan. Pelbagai definisi akan diberikan agar pemahaman terhadap tinjauan ini difahami dengan lebih jelas.

Kemudian di dalam bab III pula, akan diperkatakan tinjauan terhadap aktiviti perbahasan di dalam kurikulum iaitu Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Ini khasnya di dalam sukatan pelajaran, huraiian sukatan dan buku-buku teks.

Bab IV menghuraikan tinjauan yang telah dibuat secara khusus terhadap pengajaran Bahasa Malaysia menggunakan aktiviti dan teknik perbahasan. Ini meliputi aspek perancangan, persediaan, pelaksanaan dan penilaian.

Bab V pula, memberikan tumpuan kepada hasil tinjauan terhadap perbahasan sebagai salah satu aktiviti kokurikulum. Dalam bab ini dilihat sejauh manakah keberkesanan aktiviti perbahasan ini sebagai salah satu kemahiran berkomunikasi di antara ahli persatuan.

Bab VI ialah bab penutup. Segala hasil tinjauan dibuat rumusan. Kemudian saranan-saranan diberikan untuk memperbaiki lagi mutu perbahasan sebagai satu kemahiran berkomunikasi. Dalam bab ini juga dibuat kesimpulan tentang keseluruhan aspek yang telah ditinjau.

##